



Headline: 4 evolusi si penipu
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 5 November 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 25

"Sindiket itu licik dengan menyatakan maklumat peribadi mangsa bagi meyakinkan mangsa supaya mereka percaya terhadap panggilan Ahmad Noordin"



>>Orang ramai diingatkan supaya **berwaspada** terhadap panggilan telefon mencurigakan

HARIAN METRO HARIAN METRO



ANTARA serbuan yang dilakukan anggota polis ke atas markas Macau Scam di sekitar Ibu kota sejak 2015.



KES 1

Pesara tanggung hutang rugi RM5 juta

Seorang pesara wanita di sebuah syarikat swasta berusia lingkungan 60-an bukan saja kehilangan wang simpanan, malah terpaksa menanggung hutang selepas kerugian lebih RM5 juta ditipu sindiket Macau Scam pada Mac lalu.

Mangsa yang tinggal di Lembah Klang menerima panggilan telefon daripada individu menyamar sebagai pegawai bank memaklumkan dia mempunyai tunggakan pinjaman lebih RM3,000.

Panggilan telefon itu kemudian disambungkan kepada seorang lagi individu yang memperkenalkan diri sebagai anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi dan memaklumkan akaun bank wanita berkenaan mempunyai kaitan dengan

jenayah narkotik.

Mangsa yang ketakutan membuat pindahan wang ke 65 akaun dalam tempoh dua bulan menerusi aplikasi perbankan dalam talian dan secara terus di kaunter selepas diugut sindiket itu.

Malah, mangsa diugut akan dipenjarakan sekiranya memberitahu mana-mana pihak berhubung perkara itu. Namun, dia menyedari ditipu selepas rakannya curiga terhadap tingkahlaku mangsa yang meminjam wang untuk dipindahkan ke dalam akaun seperti diarahkan suspek.

Dalam kes itu, pihak polis menahan beberapa individu dipercayai sebagai 'keldai' akaun dalam kes berkenaan yang masih dalam siasatan mengikut Seksyen 420 Kanu Keseksaan kerana menipu.

1,847

Kes penipuan sindiket Macau Scam dilaporkan sehingga Oktober lalu

RM107 JUTA

Kerugian membabitkan Macau Scam sehingga Oktober lalu

4 EVOLUSI SI PENIPU

■ **Macau Scam dikesan paksa mangsa buka akaun perbankan dalam talian dengan pendaftaran guna nombor telefon suspek**

KES 2

Bekas guru rugi RM2 juta kena tipu

Seorang wanita warga emas yang juga pesara guru di Melaka kerugian lebih RM2 juta selepas ditipu sindiket Macau Scam, Ogos lalu.

Warga emas berusia lingkungan 70 tahun itu dihubungi individu yang memperkenalkan diri sebagai anggota polis memaklumkan dia mempunyai saman tertunggak sebelum panggilan telefon berkenaan disambungkan kepada anggota polis lain.

Menurut anggota polis berkenaan, akaun mangsa terbit dengan satu kes jenayah dan mengarahkan wanita berkenaan memindahkan wang ke dalam 12 akaun yang dilakukannya melalui kaunter.

Rahsia mangsa ditipu sindiket itu terbongkar selepas dia terpaksa memaklumkan perkara terbit kepada ahli keluarga serta rakan kerana mahu meminjam wang untuk dimasukkan ke dalam akaun seperti diarahkan suspek.

Atas nasihat ahli keluarga dan rakan, mangsa membuat semakan dengan pihak polis berhubung dakwaan itu yang kemudian didapati palsu.

Semua pemilik akaun yang terbit dalam kes berkenaan sudah ditahan pihak polis.

Hasil siasatan pihak polis mendapati panggilan telefon menerusi aplikasi VOIP dibuat terhadap mangsa adalah dari luar negara.



Teoh Pei Ying dan Nurul Hidayah Bahaudin
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket Macau Scam dikesan mengalami 'evolusi' apabila mengguna pakai modus operandi baru bertujuan memastikan mangsa mereka terjerat.

Terbaru, sindiket itu dikesan menggunakan helah memaksa mangsa membuat akaun perbankan dalam talian dengan pendaftaran menggunakan nombor telefon suspek bagi membolehkan transaksi wang dilakukan penjenayah terbabit.

Pemilihan mangsa dilakukan secara rawak, namun kebanyakan mereka yang tertipu membabitkan warga emas serta tidak pernah mendaftar akaun perbankan secara dalam talian.

Timbalan Pengarah (Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Ahmad Noordin Ismail berkata, bermula pada 2012, terdapat empat perubahan taktik utama dikesan membabitkan sindiket Macau Scam

di negara ini.

"Sindiket itu yang didalangi warga asing pada mulanya membubuhkan pusat panggilan di negara ini dengan menjadikan individu dari negara asal mereka sebagai mangsa.

"Selepas itu, sindiket mula berkembang apabila ada di antara rakyat Malaysia yang belajar kaedah penipuan sindiket itu untuk menipu orang luar (warga asing).

"Ini berdasarkan tangkapan individu warga tempatan yang didapati melakukan kegiatan itu sebelum ia terus berkembang dengan menasarkannya rakyat tempatan sebagai mangsa," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Ibu Pejabat Polis JSJK Bukit Aman.

Ahmad Noordin berkata, perasaan takut antara punca utama dikesan menyebabkan mangsa tertipu dengan sindiket terbabit selepas diugut penjenayah yang menyamar sebagai pegawai polis, kastam, mahkamah atau bank.

"Modus operandi mereka adalah menyamar sebagai pegawai penguat kuasa dan memaklumkan bahawa mangsa mempunyai kes

jenayah atau membuat pinjaman dengan bank tertentu.

"Malah, sindiket itu licik dengan menyatakan maklumat peribadi mangsa supaya mereka percaya terhadap panggilan.

"Mangsa yang panik kemudian diminta untuk menyerahkan wang kononnya bagi menyelesaikan perkara itu selain diugut supaya tidak mendedahkan perkara berkenaan kepada sesiapa bagi mengelak tindakan dikenakan terhadap mereka," katanya.

Beliau berkata, kini muncul taktik terbaru sindiket terbabit iaitu meminta mangsa mendaftar akaun perbankan secara dalam talian dengan

menggunakan nombor telefon milik suspek bagi memudahkan penerimaan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC).

"Dalam era teknologi ini, kebanyakan pemilik akaun mendaftarkan akaun mereka secara dalam talian. Namun ada juga yang masih dengan simpanan wang di dalam bank secara konvensional terutama di kalangan warga emas sekali gus menjadikan mereka mangsa 'mudah' sindiket terbabit," katanya.

Katanya, orang ramai diingatkan supaya berwaspada terhadap panggilan telefon mencurigakan memandangkan pihak polis serta institusi kewangan tidak pernah membuat sebarang urusan melalui panggilan telefon.

Rakyat Malaysia senang ditipu?

Kuala Lumpur: Adakah rakyat Malaysia senang ditipu? Persoalan itu wujud susulan rekod mendapati sebanyak 1,847 kes penipuan sindiket Macau Scam dilaporkan di seluruh negara dengan jumlah kerugian lebih RM107 juta.

Angka besar kerugian itu direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh Januari hingga 31 Oktober lalu.

Ini sekali gus dianggap rekod baru susulan berlaku peningkatan ketara jumlah kerugian berbanding RM44.8 juta sepanjang tahun lalu.

Ahmad Noordin Ismail berkata, jumlah direkodkan itu meningkat berbanding tempoh sepanjang tahun lalu.



"Tahun lalu, sebanyak 1,414 kes direkodkan di seluruh negara membabitkan Macau Scam dengan kerugian berjumlah RM 44.8 juta.

"Bagaimanapun, jumlah itu meningkat sebanyak 433 kes kepada 1,847 kes sepanjang Januari hingga Oktober tahun ini dengan peningkatan kerugian berjumlah RM62.2 juta," katanya.



Ahmad Noordin berkata, peningkatan jumlah kes dan kerugian direkodkan dalam tempoh berkenaan menunjukkan masih ramai yang tidak peka dengan jenayah Macau Scam.

MODUS OPERANDI MACAU SCAM

Empat perubahan utama

-  Sindiket yang didalangi warga asing membubuhkan pusat panggilan di negara ini dengan menjadikan individu dari negara asal mereka sebagai mangsa
-  Selepas itu, mereka mula berkembang dengan ada di antara rakyat Malaysia yang belajar kaedah sindiket terbabit untuk menipu orang luar (warga asing) dari negara luar
-  Sindiket dianggotai warga tempatan mula menipu individu tempatan dari luar negara
-  Sindiket itu terus berkembang dengan menasarkannya rakyat tempatan sebagai mangsa dengan menjalankan operasi dalam negara

Taktik terbaru

-  Sindiket minta mangsa yang kebanyakan terdiri daripada warga emas buat pendaftaran akaun secara dalam talian
-  Mangsa diminta mendaftarkan perbankan dalam talian menggunakan nombor telefon suspek bagi memudahkan penerimaan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC)

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN

- 1 Bila menerima panggilan telefon, jangan panik
- 2 Minta pemanggil memperkenalkan diri dan meminta maklumat diri lengkap daripada individu berkenaan (minta nombor badan sekiranya mengaku sebagai pegawai atau anggota polis)
- 3 Tamatkan panggilan telefon sekiranya bimbang dengan ugutan pemanggil dan tampil membuat laporan polis berhubung perkara itu
- 4 Kongsi maklumat mengenai panggilan telefon itu kepada ahli keluarga dan rakan terdekat sebagai rujukan
- 5 Buat semakan terlebih dulu dan jangan sesekali terburu-buru membuat pemindahan wang
- 6 Harus diingatkan bahawa pihak polis mahupun institusi kewangan **TIDAK PERNAH** melakukan urusan melalui panggilan telefon terutama membabitkan wang